

HARI : SABTU  
TARIKH : 10/8/2019  
M/SURAT : 17

## Cubaan seludup gula, tong gas gagal

TAWAU - Pasukan Polis Marin (PPM) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggagalkan tiga cubaan menyeludup keluar barang kawalan di perairan Laut Pelabuhan dan Laut Sungai Haji Kuning dekat sini pada Rabu lepas.

Menurut Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali dalam kenyataan di sini, dalam operasi bersepadu itu, dua bot laju (penambang) dan sebuah bot jenis jongkong ditahan kerana membawa muatan barang kawalan iaitu empat tong gas jenama Petronas, dua tong gas jenama MyGaz dan 120 kilogram gula jenama Prai.

"Hasil pemeriksaan terhadap dua juragan tempatan dan seorang juragan warga Indonesia yang berumur 33 hingga 63 tahun, mereka gagal menunjukkan permit atau surat kelulusan daripada pihak KPDNHEP atas kesemua barang kawalan yang dibawanya," katanya.

Mohamad Pajeri berkata, semua juragan ditanah dan bot serta barang rampasan dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk tindakan lanjut.

- Bernama